



28 Februari 2025
28 February 2025
P.U. (A) 71

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2025

FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2025.

Peraturan baharu 38B

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 38A peraturan yang berikut:

“Asid lemak trans. 38B. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pun boleh mengimport, menyediakan atau mengiklankan untuk penjualan atau menjual apa-apa makanan, yang bertujuan untuk pengguna akhir atau yang bertujuan untuk bekalan jualan runcit, yang mengandungi asid lemak trans lebih daripada 2g/100g lemak selain asid lemak trans yang hadir secara semula jadi dalam lemak berasal daripada binatang.”.

Pindaan Jadual Kelima Belas A

3. Jadual Kelima Belas A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam DAFTAR I, dengan memotong bahan “Colistin” dan butir-butir yang berhubungan dengannya; dan

(b) dalam DAFTAR II, dengan memasukkan selepas butiran
“Chloramphenicol” butiran “Colistin”.

Dibuat 26 Februari 2025

[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.30]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Food (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2025.

New regulation 38B

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 38A the following regulation:

“Trans fatty acid

38B. Except as otherwise provided in these Regulations, no person shall import, prepare or advertise for sale or sell any food, which is intended for the final consumer or intended for supply to retail, which contains trans fatty acids of more than 2g/100g of fat other than trans fatty acids naturally occurring in fat of animal origin.”.

Amendment of Fifteenth A Schedule

3. The Fifteenth A Schedule to the principal Regulations is amended—

- (a) in TABLE I, by deleting the substance “Colistin” and the particulars relating to it; and
- (b) in TABLE II, by inserting after the item “Chloramphenicol” the item “Colistin”.

Made 26 February 2025
[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.30]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health